



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)

[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



**PENCAPAIAN MURID TINGKATAN SATU DALAM UJIAN  
SOLAT FARDU DI DAERAH MEMBAKUT, SABAH**

*FORM ONE STUDENT ACHIEVEMENT IN FARD PRAYER TEST IN  
MEMBAKUT DISTRICT, SABAH*

Abdul Rahman Idris<sup>1\*</sup>, Jusminah Paumat<sup>2</sup>, Mohd Rais Serubih<sup>3</sup>

<sup>1</sup> SMK Membakut, Peti Surat 51, 89727 Membakut, Sabah, Malaysia  
Email: [ustazmankhairiah@yahoo.com](mailto:ustazmankhairiah@yahoo.com)

<sup>2</sup> SMK Membakut II, Peti Surat 205, 89727 Membakut, Sabah, Malaysia  
Email: [jusminah79@gmail.com](mailto:jusminah79@gmail.com)

<sup>3</sup> SM Saint Patrick, Peti Surat 16, 89727 Membakut, Sabah, Malaysia  
Email: [mohdraes@yahoo.com](mailto:mohdraes@yahoo.com)

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 25.10.2020

Revised date: 28.10.2020

Accepted date: 15.11.2020

Published date: 03.12.2020

**To cite this document:**

Idris, A. R., Paumat, J., & Serubih, M. R. (2020). Pencapaian Murid Tingkatan Satu dalam Ujian Solat Fardu di Daerah Membakut, Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 5 (37), 245-252.

DOI: 10.35631/IJEPC.5370020.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



**Abstract:**

Solat Fardu merupakan salah satu daripada tajuk ibadah bagi murid muslim tingkatan satu di sekolah menengah. Tajuk ini penting bagi memantapkan pencapaian solat fardu murid samada dari aspek teori mahupun amali. Selaras dengan itu, kajian ini dilakukan di sekolah menengah bertujuan untuk mengenalpasti pencapaian murid dalam ujian solat fardu. Kajian ini merupakan kajian deskriptif kuantitatif menggunakan instrumen Ujian Penguasaan Solat Fardu terhadap 100 orang murid tingkatan satu. Analisis data dilakukan mengikut gred mata pelajaran Pendidikan Islam dalam Peperiksaan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3). Hasil kajian menunjukkan 0% murid mendapat gred A, 3% murid mendapat gred B, 14% murid mendapat gred C, 18% murid mendapat gred D, 31% murid mendapat gred D dan 34% murid mendapat gred F. Dapatan kajian ini menunjukkan guru-guru Pendidikan Islam sekolah menengah di Daerah Membakut perlu merancang pembelajaran dan pemuahcara (PdPc) solat fardu menggunakan pelbagai pendekatan, teori pembelajaran, kaedah dan bahan bantu mengajar (BBM) dengan efektif bagi memaksimumkan pencapaian solat fardu dalam kalangan murid.

**Kata Kunci:**

Solat, Solat Fardu, Pencapaian Solat, Murid

**Abstract:**

Fard (obligatory) prayer is one of the topics of Ibadah (worship) in the subject of Islamic Education for Form one students in secondary schools. This topic is quintessential to establish the accomplishment of the fard prayers of students either from the theoretical or practical aspects. Therefore, this study was conducted to identify the achievement of students in the fard prayer test in Membakut district, Sabah. This research was a quantitative descriptive study using the Fard Prayer Mastery Test instrument on 100 Form one Muslim student. Data analysis was done according to the grade of Islamic Education subjects in the Form Three Assessment examination (PT3). The conclusions indicated that 0% of students got grade A, 3% of students got grade B, 14% of students got grade C, 18% of students got grade D, 31% of students got grade D and 34% got grade F. The findings of this study confirmed that secondary school Islamic Education teachers in Membakut District must plan learning and facilitation (PdPc) of fard prayers employing various approaches, learning theories, methods, and teaching aids (BBM) effectively to optimise student achievement.

**Keywords:**

Prayer, Fard Prayer, Achievement, Student's Fard Prayer Test

**Pengenalan**

Solat fardu merupakan salah satu tajuk penting dalam bidang Fekah bagi mata pelajaran teras Pendidikan Islam (Rijaluddin Yahya et al., 2016). Tajuk ini dimasukkan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) tingkatan satu bagi sekolah menengah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2015). Selain itu, tajuk ini turut dinilai dalam pelaksanaan Penilaian Amalan Fardu Ain (PAFA) yang dijalankan di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010). Pembelajaran dan pemudahcara (PdPc) solat fardu di tingkatan satu bagi sekolah menengah merupakan kesinambungan bagi PdPc solat fardu di sekolah rendah (Ahmad Mohd Salleh, 2011).

Dasawarsa ini memperlihatkan, terdapat sebilangan besar murid masih yang menunjukkan pencapaian solat fardu yang sederhana (Hasna Bidin, Ahmad Syukran Baharuddin, & Mohd Ismail Mustari, 2015; Mohd Firdaus Ismail, 2018, Ruhaida Abdullah, Nurul Ilyana Muhd Adnan, 2018). Malahan, terdapat murid yang masih tidak menguasai amali dan bacaan-bacaan solat fardu (Mohd Firdaus Ismail, 2018; Jamaliah Abdul Jalil, Mohd Isa Hamzah & Maimun Aqsha Lubis, 2017; Nor Fauzani Jumodi, Nor Akmal binti Mohamad & Noor Haslinda binti Zainol, 2014). Hal ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor dalaman dan faktor luaran (Suhaila Nadzri, Suhaily Md Shamsuddin, Siti Syuhada Abd Rahman, Ahmad A'toa' Mokhtar, & Azri Rizal Md. Razali, 2018; Siti Fauziah, Sabariah Sharif, & Mad Nor Madjapuni, 2019). Selaras dengan itu, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti pencapaian murid muslim tingkatan satu dalam Ujian Solat fardu di daerah Membakut, Sabah.

**Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian mencakupi aspek metodologi dan praktikal. Dari aspek metodologi kajian ini menyumbang kepada pembinaan instrumen baru melalui penggunaan instrumen Ujian Pencapaian Solat Fardu yang dibangunkan khusus berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum

dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam Tingkatan Satu. Berbeza dengan kajian-kajian terdahulu berkaitan solat fardu dalam kalangan murid yang menggunakan instrumen soal selidik dan kaedah temubual sebagai kaedah utama. Sementara kepentingan kajian ini dari aspek praktikal pula, kajian ini memberi maklumat kepada para murid, pendidik, ibu bapa, pengurusan sekolah, pemimpin, masyarakat dan badan-badan bukan kerajaan. Hasil kajian ini dapat dijadikan maklumat tambahan dalam usaha membentuk kemenjadian murid yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Pelbagaikan usaha, pendekatan, program dan tindakan dapat diambil oleh setiap pihak bagi meningkatkan pencapaian solat fardu dalam kalangan murid yang secara tidak langsung menyumbang kepada pembentukan jati diri dan sahsiah murni dalam kalangan remaja.

### **Sorotan Literatur**

Sorotan literatur kajian ini membincangkan berkaitan solat fardu dan kajian-kajian lepas berkaitan solat fardu.

#### ***Solat Fardu***

Solat fardu merupakan ibadah yang wajib dilakukan oleh setiap muslim yang mukallaf. Ia merupakan ibadah yang mencakupi perbuatan dan perkataan tertentu yang dimulai dengan takbiratul ihram dan diakhiri dengan salam disertai dengan syarat dan niat tertentu (Yazid Maarof & Mohammad Kamil Ab Majid, 2018). Allah SWT memerintahkan kewajiban solat terus kepada Nabi Muhammad SAW tanpa melalui perantaraan Malaikat Jibril semasa peristiwa Isra dan Mikraj (Az-Zuhaili, 2010). Peristiwa ini menunjukkan keistimewaan solat fardu berbanding dengan ibadah-ibadah wajib yang lain yang diperintahkan Allah melalui perantaraan Malaikat Jibril (As-Syarbani, 1994). Kewajiban solat fardu kepada umat Islam terkandung dalam a-Quran dan hadis nabi, antaranya maksud firman Allah SWT (Yazid Maarof & Mohammad Kamil Ab Majid, 2018):

“Sesungguhnya solat itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan ke atas orang-orang yang beriman yang tertentu waktunya”.

(Surah al-Nisa’: 103)

Kedudukan solat fardu selepas kalimah syahadah dalam Rukun Islam menjadikan solat fardu ibadah wajib yang diiktiraf sebagai tiang agama (Yazid Maarof & Mohammad Kamil Ab Majid, 2018). Ia merupakan ibadah pertama yang akan dipersoalkan pada hari akhirat. Pensyariatan solat fardu mempunyai pelbagai hikmah dari aspek kerohanian, sosial dan kesihatan. Solat fardu bukan sahaja mampu mendekatkan hubungan antara hamba dengan penciptanya, malahan dapat merapatkan hubungan sesama ahli keluarga dan masyarakat (As-Syarbani, 1994). Selain itu, solat fardu mengajar umat Islam agar lebih berdisiplin dalam menepati masa, membentuk sahsiah yang mulia, memelihara tanggungjawab dan menghalang seseorang daripada terlibat dengan perkara keji dan mungkar (Az-Zuhaili, 2010). Solat fardu yang dilakukan mengikut kehendak syarak yang sebenar dengan penuh iltizam dan konsisten mampu menjadi benteng daripada melakukan perkara yang ditegah oleh Allah (Az-Zuhaili, 2010). Maksud firman Allah SWT :

“Sesungguhnya solat itu mencegah dari  
(perbuatan-perbuatan) keji dan mungkar.”

(Surah al-Ankabut:45)

### **Kajian Lepas**

Kajian lepas berkaitan penguasaan teori dan amali solat fardu tertumpu kepada kajian berkaitan pengetahuan, kefahaman, kepentingan amalan dan faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan solat fardu. Kajian Sharifah Nur Abu (2012), Mohd Zainal Abidin Che Mood et al., (2013) dan Jamaliah Abdul Jalil et al., (2017) berbentuk kajian tinjauan menunjukkan responden mengetahui dan memahami tentang solat fardu secara umum namun tahap pengetahuan dan kefahaman dalam beberapa aspek seperti bacaan-bacaan solat fardu, syarat sah solat fardu dan rukun solat fardu masih berada pada tahap tidak memuaskan. Manakala, dari aspek pengamalan solat fardu murid masih berada pada tahap sederhana. Manakala Shukri Ahmad, Yahya Don, Wan Abdul Rahman Khudri Wan Abdullah, Madihah Mohamed Ibrahim, & Shahril Fazli Mat Hussain (2014) mendapati penghayatan solat fardu dalam kalangan murid masih rendah. Sementara kajian Hasna Bidin et al., (2015) menunjukkan kefahaman murid tentang solat fardu, solat jama'ah, balasan meninggalkan solat adalah tinggi, namun begitu terdapat murid yang tidak menunaikan solat disebabkan kurang kesedaran dan pengetahuan berkaitan solat fardu.

Kajian yang dilakukan oleh Mohd Khusyairie Marzuki, Mohd Muhiden Abdul Rahman, & Affendin Ismail (2018) berkaitan sikap murid terhadap pengamalan solat fardu dan kesannya kepada pembentukan sahsiah menunjukkan kefahaman murid tentang kewajipan solat fardu memuaskan namun sikap murid dalam menunaikan solat fardu masih kurang memuaskan. Hasil kajian ini juga menunjukkan hubungan solat fardu dengan tahap pembentukan sahsiah adalah signifikan. Kajian-kajian berkaitan pencapaian solat fardu ini dilakukan menggunakan kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik yang terbatas kepada pencapaian dalam penguasaan teori dan amali tertentu dalam pelaksanaan solat fardu. Borang-borang soal selidik ini amat relevan digunakan dalam kajian kepada secara umum, namun bagi kajian berkaitan penguasaan teori dan amali solat yang dilakukan di sekolah menengah, penggunaan borang soal selidik ini tidak mencakupi keseluruhan aspek solat fardu. Pencapaian solat fardu yang mencakupi definisi, hukum, syarat wajib, syarat sah, rukun, sunat, perkara membatalkan, hikmah, akibat tidak melaksanakan solat fardu dan berkaitan khusyuk solat. Selaras dengan itu, kajian ini akan menggunakan Ujian Pencapaian Solat Fardu yang dibangunkan berdasarkan DSKP Pendidikan Islam Tingkatan Satu.

### **Metodologi**

Kajian ini merupakan kajian deskriptif kuantitatif. Populasi bagi kajian ini merupakan murid muslim tingkatan satu di daerah Membakut Sabah. Seramai 100 orang (Fraenkel & Wallen, 2002) murid muslim tingkatan satu di daerah Membakut Sabah dipilih sebagai sampel kajian. Instrumen yang digunakan adalah Ujian Penguasaan Teori Solat Fardu yang mempunyai nilai kebolehpercayaan Alpa Croanbach 0.87. Ujian ini mengandungi 40 soalan objektif dan 8 soalan subjektif. Analisis deskriptif data dilakukan menurut gred mata pelajaran Pendidikan Islam menengah rendah berdasarkan gred Peperiksaan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) bertujuan untuk memberi gambaran sebenar kepada para pendidik mengenalpasti tahap pencapaian murid berdasarkan sistem gred yang digunakan di sekolah.

### Dapatan dan Perbincangan Kajian

Analisis Ujian Solat Fardu terhadap murid muslim tingkatan satu di daerah Membakut yang dilakukan menggunakan gred mata pelajaran Pendidikan Islam bagi menengah rendah mengikut gred peperiksaan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dipaparkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Analisis Ujian Pencapaian Solat Fardu mengikut gred peperiksaan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)**

| Gred               | Jumlah | Peratus |
|--------------------|--------|---------|
| A (85-100)         | 0      | 0%      |
| B (70-84)          | 3      | 3%      |
| C (60-69)          | 14     | 14%     |
| D (50-59)          | 18     | 18%     |
| E (40-49)          | 31     | 31%     |
| F (01-39)          | 34     | 34%     |
| Lulus              | 66     | 66%     |
| Gagal              | 34     | 34%     |
| Jumlah Keseluruhan | 100    |         |

Jadual 1 memaparkan analisis Ujian Pencapaian Solat berdasarkan gred PT3 yang menunjukkan bilangan keseluruhan murid ialah 100 orang, bilangan murid lulus seramai 66 orang dan bilangan murid gagal pula seramai 34 orang. Manakala, bilangan pelajar yang mencapai gred B, C, D, E dan F, masing-masing seramai 3, 14, 18, 31 dan 34 orang murid. Berdasarkan analisis ini, walaupun peratus kelulusan mencapai 66% namun, didapati jumlah murid yang mendapat gred F mendominasi bilangan murid yang mencapai gred-gred yang lain. Seterusnya diikuti oleh bilangan murid yang mencapai gred E, D, C dan B. Manakala tiada murid yang mencapai gred A. Analisis ini menunjukkan pencapaian murid tingkatan satu dalam Ujian Pencapaian Solat Fardu di daerah Membakut, Sabah masih perlu ditingkatkan.

Berdasarkan Jadual 1, pencapaian solat fardu dalam kalangan murid tingkatan satu masih berada pada tahap sederhana dan memerlukan pelbagai penambahbaikan dari aspek pemilihan pendekatan, strategi, bahan bantu mengajar dan persekitaran. Usia 13 tahun merupakan usia murid tingkatan satu yang terdiri daripada pelbagai latar belakang kehidupan. Terdapat murid yang belajar berkaitan solat fardu di sekolah rendah dan keluarga masing-masing. Murid-murid ini berpeluang mempraktikkan secara amali solat fardu yang dipelajari menyebabkan ilmu yang dipelajari semakin diingati. Terdapat juga murid yang hanya mempelajari dan mempraktikkan solat fardu bersama guru semasa berada di sekolah rendah dan mempraktikkan solat fardu di rumah berdasarkan ilmu yang diperolehi semasa berada di sekolah. Namun tidak dinafikan, terdapat sebilangan murid yang hanya mempelajari dan mempraktikkan solat fardu bersama guru di sekolah sahaja tetapi tidak di rumah. Hal ini turut mempengaruhi pencapaian solat fardu murid dalam ujian solat fardu yang dilaksanakan.

Selaras dengan itu, pemerksaan PdPc solat fardu perlu dilakukan oleh guru-guru Pendidikan Islam. Usaha ini perlu dirancang dengan teliti bagi memastikan PdPc solat fardu dapat dilaksanakan dengan memberikan impak yang maksimum terhadap pencapaian murid samada dari aspek teori mahupun amali. Peningkatan profesionalisme dalam aspek penggunaan

teknologi pendidikan dan bahan bantu mengajar perlu ditambahbaik bersesuaian dengan perkembangan teknologi semasa. Guru-guru Pendidikan Islam perlu bersedia dan berlapang dada menerima perkembangan teknologi pendidikan yang dapat digunakan bagi meningkatkan kualiti PdPc solat fardu. Selain itu, kerjasama guru-guru lain, pihak pentadbir dan PIBG perlu diperolehi bagi memastikan usaha ini tidak hanya berakhir di dalam kelas semata-mata. Persekitaran dan kerjasama dari pelbagai pihak penting bagi memastikan kesinambungan pendidikan solat fardu terhadap murid.

### **Cadangan**

Cadangan kajian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu dari cadangan untuk kajian lanjutan berkaitan solat fardu dan cadangan praktikal kepada pihak-pihak yang terlibat dengan pendidikan, pentadbiran, penganjuran program dan persekitaran golongan murid.

#### ***Cadangan Kajian Lanjutan***

1. Kajian pembangunan modul khas untuk PdPc solat fardu.
2. Kajian pembangunan modul khas untuk memaksimumkan motivasi dan kesedaran solat fardu dalam kalangan murid.
3. Kajian berkaitan peranan pihak-pihak tertentu dalam penganjuran program dan aktiviti bagi meningkatkan pencapaian dan kesedaran solat fardu dalam kalangan murid.
4. Kajian lanjutan berkaitan solat fardu dicadangkan dilakukan terhadap murid Sekolah Menengah dan pelajar yang berada di Kolej Vokasional, Kolej Matrikulasi dan Institut Pengajian Tinggi di Negeri Sabah.

#### ***Cadangan Praktikal***

Kajian ini mencadangkan beberapa cadangan praktikal khususnya kepada pihak-pihak yang terlibat dengan pendidikan solat fardu samada secara langsung dan tidak langsung :

##### ***Murid***

Bagi golongan murid maklumat ini dapat dijadikan sebagai panduan bagi memperbaiki pencapaian solat fardu.

##### ***Pendidik***

Golongan pendidik perlu mengenalpasti pengetahuan sedia ada murid bagi memudahkan perancangan PdPc dan pemilihan BBM, pendekatan dan kaedah yang bersesuaian dengan tahap murid.

##### ***Ibu bapa***

Ibubapa yang merupakan guru pertama kepada murid dapat menunjukkan “role model” terbaik kepada anak-anak untuk memastikan pendidikan solat fardu dapat dipraktikkan secara teori dan amali dalam kehidupan sebenar.

##### ***Pengurusan Sekolah***

Pihak pengurusan sekolah dapat memainkan peranan untuk mewujudkan iklim mesra solat fardu dalam kawasan sekolah khususnya untuk Solat Zohor dan Solat Asar. Penyediaan tempat solat seperti surau atau bilik solat, tempat mengambil wuduk’, penyediaan jadual pembelajaran yang memberi ruang kepada murid untuk mendirikan Solat Zohor dan Solat Asar serta



penganjuran program-program kerohanian merupakan antara usaha yang dapat dilakukan oleh pihak pengurusan sekolah bagi meningkatkan pencapaian solat fardu.

### ***Pemimpin***

Memperkasakan peranan badan-badan kerajaan yang terlibat dalam usaha memantapkan pelaksanaan solat fardu dalam kalangan murid.

### ***Masyarakat***

Galakan dalam bentuk motivasi, nasihat dan teguran dengan cara berhikmah sesuai diberikan kepada golongan murid bagi mengalakkan murid meningkatkan pencapaian teori dan amali solat fardu.

### ***Badan-Badan Bukan Kerajaan***

Penganjuran program-program kerohanian ke arah memantapkan pegangan akidah dan pelaksanaan ibadah khusus untuk golongan murid.

### **Kesimpulan**

Kajian ini menunjukkan pencapaian murid muslim tingkatan satu di daerah Membakut berada masih berada pada tahap sederhana dengan peratus tertinggi pencapaian murid berada dalam gred F, diikuti oleh gred E, D, C dan B. Sehubungan dengan itu, Guru Pendidikan Islam perlu merancang PdPc solat fardu dengan lebih sistematik menggunakan pendekatan, teknik, teori dan bahan bantu mengajar yang relevan. Hal ini perlu dilakukan bagi meningkatkan pencapaian solat fardu dalam kalangan murid. Selain itu, peranan ibubapa selaku guru pertama kepada murid penting dalam memastikan kesinambungan pendidikan solat fardu di rumah. Manakala, peranan masyarakat dan pihak-pihak berkaitan juga perlu dalam usaha meningkatkan pencapaian solat fardu murid dalam kehidupan seharian.

### **Rujukan**

- Ahmad Mohd Salleh. (2011). *Kurikulum, metodologi dan pedagogi Pengajian Islam* (2nd ed.). Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- As-Syarbini, S. M. al-K. (1994). *Mughni al-muhtaj*. Beirut: Dar al-Kitab al-Ilmiyyah.
- Az-Zuhaili, W. (2010). *al-Fiqh al-Islami wa adillatuhu* (1st ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Fraenkel, J. R., Wallen, N. E., & Hyun, H. H. (2012). *How to design and evaluate research in education* (8th ed.). New york: Mc Graw Hill.
- Ghazali Darusalam & Sufeyan Husin (2018) *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hasna Bidin, Ahmad Syukran Baharuddin, & Mohd Ismail Mustari. (2015). Kefahaman Ibadat Solat Fardu dalam Kalangan Pelajar Muslim: Kajian Tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka. *Sains Humanika*. 5:3 (2015), 21–34.
- Hasna Bidin. (2016). *Pelaksanaan Solat Dalam Kalangan Pelajar Muslim Di Kolej Komuniti Negeri Johor*. Tesis Sarjana Falsafah. Universiti Teknologi Malaysia.
- Jamaliah Abdul Jalil, Mohd Isa Hamzah & Maimun Aqsha Lubis. (2017). Tahap Pengetahuan Dan Amalan Fardhu Ain Anak-Anak Muallaf Sekolah Menengah Di Bahagian Sri Aman Sarawak." *Asean Comparative Education Research Journal On Islam And Civilization* (ACER-J). eISSN2600-769X 1, no. 1, 107-123.

- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). *Buku Panduan dan Rekod Pencapaian Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Pendidikan Islam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan Satu*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Firdaus Ismail (2018) Penggunaan Permainan Dam Rukun Solat Untuk Murid Menghafal Rukun Qauliyyah Solat. *Jurnal Pendidikan Islam Kontemporari*, 1 (2018), 68-75.
- Mohd Khusyairie Marzuki, Mohd Muhiden Abdul Rahman, & Affendin Ismail. (2019). Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, 20(1) 2019. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 20(1), 49–65.
- Mohd Khusyairie Marzuki, Mohd Muhiden Abdul Rahman, & Affendi Ismail. (2018). Sikap pelajar terhadap pengamalan solat fardu dan kesannya kepada pembentukan sahsiah: kajian di UiTM Kelantan Kampus Kota Bharu. *Al-Basirah*, 8(2), 11–22.
- Mohd Zainal Abidin Che Mood, Mohd Aminuddin Ab. Rahaman, Nurul Huda Mohd Bisri, & Zaradi Sudin. (2012). Amalan solat fardhu di kalangan pelajar PISMP semester 3 ambilan Januari 2012. 27-37. Retrieved from <http://www.myjournal.my/public/article-view.php?id=106544>.
- Nor Fauzani Jumodi, Nor Akmal binti Mohamad & Noor Haslinda binti Zainol. (2014). Sejauhmana faktor penguasaan bacaan asas solat dalam mempengaruhi pengamalan solat di kalangan pelajar semester 1 Kolej Komuniti Kuantan. Retrieved from [https://www.academia.edu/31342385/SEJAUHMANA\\_HUBUNGKAIT\\_PENGUAS\\_AAN\\_BACAAN\\_ASAS\\_SOLAT\\_DALAM\\_MEMPENGARUHI\\_PENGAMALAN\\_SOLAT\\_DI\\_KALANGAN\\_PELAJAR\\_SEMESTER\\_SATU\\_KOLEJ\\_KOMUNITI\\_KUANTAN](https://www.academia.edu/31342385/SEJAUHMANA_HUBUNGKAIT_PENGUAS_AAN_BACAAN_ASAS_SOLAT_DALAM_MEMPENGARUHI_PENGAMALAN_SOLAT_DI_KALANGAN_PELAJAR_SEMESTER_SATU_KOLEJ_KOMUNITI_KUANTAN).
- Rijaluddin Yahya, Nurafidah Abdullah, & Wan Ali Akbar Wan Abdullah. (2016). *Pendidikan Islam tingkatan satu*. (Muhammad Ridhuan Wahab & Zawin Najah Muhammad Kasla) (Edisi Pertama). Kuala Lumpur: DBP.
- Ruhaida Abdullah & Nurul Ilyana Muid Adnan (2018) Pelaksanaan program amali solat dalam Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) dalam kalangan pelajar tingkatan dua. *Journal of Advanced Research In Social and Behavioural Sciences*, 11,1, 1-16.
- Sharifah Nur Abu. (2012). Pengamalan solat fardhu dalam kalangan pelajar Politeknik Kuching Sarawak. *International Seminar on Research in Islamic Studies 2 (ISRIS 2)*, 1-14.
- Siti Fauziah Mohd Amin, Sabariah Sharif, & Mad Nor Madjapuni. (2019a). Isu, faktor dan kesan pengabaian solat fardu terhadap peningkatan gejala sosial dalam kalangan pelajar masa kini. *Seminar Kebangsaan Pascasiswazah Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 1–11.
- Shukri Ahmad, Yahya Don, Wan Abdul Rahman Khudri Wan Abdullah, Madihah Mohamed Ibrahim, & Shahril Fazli Mat Hussain. (2014). Penghayatan solat dan pengimaran masjid :Kajian dalam kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia. 2014(June), 786–797.
- Suhaila Nadzri, Suhaily Md Shamsuddin, Siti Syuhada Abd Rahman, Ahmad A'toa' Mokhtar, & Azri Rizal Md. Razali. (2018). *Isu-isu pengabaian solat dalam kalangan remaja di negeri Selangor* (Vol. 2018). Bangi: IMAF.83-102.
- Yazid Maarof, & Mohamad Kamil Ad. Majid. (2018). *Smart solat, solat mengikut amalan Rasulullah SAW tepat*. (2nd ed.). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.